



SIARAN AKHBAR

Persidangan Brunei Darussalam Islamic Capital Market (BICAM) 2021 Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Bandar Seri Begawan Rabu, 2 Jun 2021 dan Khamis, 3 Jun 2021

1. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), dengan kerjasama International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), Malaysia, serta sokongan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), telah menganjurkan Persidangan Brunei Darussalam Islamic Capital Market (BICAM) 2021 pada hari Rabu, 2 Jun 2021 dan hari Khamis, 3 Jun 2021.
2. BICAM 2021 merupakan platform untuk mempamerkan kredibiliti dan keupayaan ahli industri tempatan khususnya dalam sektor pasaran modal Islam. Persidangan yang diadakan selama 2 hari ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta untuk bertukar pandangan serta buah fikiran mengenai isu dan cabaran berkaitan pasaran modal Islam terutama sekali di dalam konteks Negara Brunei Darussalam, dan seterusnya berbincang mengenai strategi-strategi ke arah memperkukuhkan kedayatahan, kelestarian dan keterangkuman ekosistem pasaran modal Islam. Para peserta juga berpeluang untuk mengetahui pengalaman negara-negara lain mengenai kesan perkembangan pasaran modal terhadap ekonomi negara.
3. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi, Lembaga Pengarah AMBD. Turut hadir ialah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah BILIF, serta pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi kerajaan, AMBD, bank-bank dan pihak swasta.
4. Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah Binti Haji Badar, Pengarah Urusan AMBD selaku pengerusi Ahli Lembaga Pengarah BILIF, di mana beliau mengongsikan usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh AMBD untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai hab antarabangsa bagi kewangan Islam, dan juga rencana AMBD untuk mengembangkan lagi pasaran modal domestik dalam mempelbagaikan lagi peluang pelaburan domestik, selaras dengan keperluan Syariah. Yang Mulia Hajah Rokiah juga menekankan kepentingan pelaburan *Sustainable, Responsible and Impact (SRI)* yang kian meningkat serta inisiatif AMBD untuk terus menyokong kewangan lestari di Negara Brunei Darussalam. Dalam hal ini, AMBD telah menubuhkan Sustainable Finance Task Force (SFTF) yang bertanggungjawab untuk memantau perkembangan kewangan lestari global dan serantau, bekerjasama dengan industri-industri berkenaan untuk memupuk agenda kelestarian.
5. Acara kemudian diikuti dengan ucap-tama yang disampaikan oleh tetamu kehormat. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menekankan potensi kewangan Islam sebagai pemangkin kemajuan sosio-ekonomi mengambilkira kesan positif sosial dan persekitaran yang boleh diperolehi melalui pulangan kewangan yang dihasilkan. Ciri-ciri pembahagian risiko dalam kewangan Islam serta penyesuaannya kepada objektif Syariah atau Maqasid Al-Syariah menjadikannya *platform* semula jadi ke arah kelestarian ekonomi. Antara potensi dan peluang inovatif dalam kewangan Islam yang belum diterokai adalah di sektor pasaran modal Islam. Dalam hal ini, penggunaan instrumen-instrumen kewangan Islam secara maksima seperti pelaksanaan kewangan sosial Islam (waqaf, zakat dan sedekah), sukuk dan teknologi kewangan (FinTech) Islam boleh memberi impak positif kepada kemajuan industri kewangan Islam masa kini. Yang Berhormat Pehin juga menekankan

Day 1 - Malay

kepentingan kerjasama berterusan di antara pihak berkepentingan dan pemain utama industri dalam merealisasikan visi pertumbuhan ekonomi yang lestari, inklusif dan berdaya tahan.

6. Yang Berhormat Sri Mulyani Indrawati, Menteri Kewangan, Republik Indonesia telah membuat pembentangan secara maya yang bertajuk *Stimulating the Development of Islamic Capital Market Sector: A Story from Indonesia*. Manakala Yang Berbahagia Professor Dato' Dr. Mohd Azmi bin Omar, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, INCEIF, Malaysia juga telah membuat pembentangan bertajuk *Fueling an Inclusive and Sustainable Future through Islamic Capital Market*.
7. Seterusnya, topik-topik yang juga telah dibincangkan semasa hari pertama persidangan ini, antaranya, adalah *Building an Innovative and Sustainable Islamic Capital Market; Creating a Vibrant and Resilient Islamic Capital Market; dan Intersections between Islamic, Green and Sustainable Finance: Issues and Challenges*.
8. Antara pakar-pakar tempatan dan antarabangsa yang telah turut serta dalam persidangan ini ialah Wan Rizaidy bin Wan Mamat Saufi, AMBD; Dr Awang Ahmad Lutfi bin Haji Abdul Razak, Universiti Brunei Darussalam (UBD); Mr Blake Goud, Pengasas, RFI Foundation, United Kingdom; dan Dr Rifki Ismal, Assistant Secretary General, Islamic Finance Standards Board (IFSB).
9. Mengambil kira pandemik global COVID-19 yang masih berleluasa di luar negara, BICAM 2021 diadakan secara *hybrid* dimana penceramah dan peserta tempatan hadir secara fizikal, sementara peserta-peserta antarabangsa menyertai secara maya.
10. Bagi menyokong inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam pengendalian Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE), BICAM 2021 ini diadakan semasa minggu pertama acara tersebut yang bertemakan Minggu Islam (*Islamic Week*).
11. BICAM 2021 akan diteruskan lagi pada hari Khamis, 3 Jun 2021. Maklumat terkini mengenai BICAM 2021 boleh didapati melalui akaun Instagram BILIF @BILIF.bn dan laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn.